



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2016 (PINDAAN)
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TAWARAN PENGURANGAN PENALTI DAN
PENGHAPUSAN KENAIKAN CUKAI**

1. PENGENALAN

1.1 Tawaran ini dibuat sebagai susulan terhadap pertimbangan khas dalam pengubahsuaian bajet 2016 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016 untuk melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela melaporkan pendapatan tahun kebelakang mereka.

1.2 Tawaran pengurangan penalti pada kadar tertentu bagi pengakuan secara sukarela diberikan kepada:

- a. Pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau Borang Nyata Petroleum (BNP) tahun kebelakang (kes lewat hantar BNCP atau BNP); dan
- b. Pembayar cukai yang sudah mengemukakan BNCP atau BNP tetapi tidak melaporkan maklumat cukai pendapatan dengan betul.
- c. Pelupus yang gagal melaporkan pelupusan harta tanah dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- d. Pembayar duti yang gagal mengemukakan surat cara untuk disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan.

1.3 Tawaran pengurangan penalti pada kadar tertentu diberi kepada pembayar cukai bagi kes audit dan kes siasatan cukai.

1.4 Tawaran pengurangan penalti pada kadar tertentu juga diberikan kepada pembayar cukai bagi kes audit pindahan harga.

1.5 Tawaran penghapusan kenaikan cukai diberikan kepada pembayar cukai yang membayar amaun tunggakan cukai pendapatan, cukai petroleum, cukai keuntungan harta tanah atau cukai pegangan sebelum atau pada 15 Disember 2016.

1.6 Pertimbangan pengurangan penalti dan penghapusan kenaikan cukai ini tertakluk kepada fakta, merit sesuatu kes dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDNM.

2. TUJUAN

2.1. Garis panduan ini hanya bertujuan untuk memberi makluman ringkas berhubung dengan tawaran pengurangan penalti bagi pengakuan secara sukarela dan penghapusan kenaikan bagi pembayaran tunggakan cukai.

2.2. Garis panduan ini tidak akan mengatasi Akta, Peraturan-Peraturan dan Rangka Kerja LHDNM yang sedia ada.

3. AKTA-AKTA YANG DIRUJUK

3.1. Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967)

3.2. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (AP(CP) 1967)

3.3. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976)

3.4. Akta Setem 1949 (AS 1949)

4. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERLIBAT DENGAN TAWARAN PENGURANGAN PENALTI DAN PENGHAPUSAN KENAIKAN CUKAI

PENGURANGAN PENALTI CUKAI	PENGHAPUSAN KENAIKAN CUKAI
a. Bagi pengakuan secara sukarela, penyelesaian kes audit termasuk audit pindahan harga atau penyelesaian kes siasatan: i. Subseksyen 112(3) dan subseksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 ii. Subseksyen 51(3) dan subseksyen 52(2) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 b. Bagi penyelesaian kes secara sukarela untuk pelupus yang lewat mengemukakan Borang CKHT: i. Subseksyen 29(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	a. Bagi tunggakan cukai pendapatan: Akta Cukai Pendapatan 1967 i. Seksyen 103, subseksyen 107B(3), subseksyen 107B(4), subseksyen 107C(9) dan subseksyen 107C(10) b. Bagi tunggakan cukai petroleum: Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 i. Seksyen 48 dan subseksyen 49A(11) c. Bagi tunggakan cukai keuntungan harta tanah: Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 i. Subseksyen 21(4) dan seksyen 21B

c. Bagi pengakuan secara sukarela dan penyelesaian kes audit surat cara: i. Subseksyen 47A(1) Akta Setem 1949 (AS 1949)	d. Bagi tunggakan cukai pegangan: Akta Cukai Pendapatan 1967 i. Subseksyen 107A(2); atau ii. Subseksyen 109(2), subseksyen 109B(2), subseksyen 109D(3), subseksyen 109E(4), subseksyen 109F(2) dan subseksyen 109G(2)
--	---

5. PELAKSANAAN

5.1. Pengurangan penalti bagi kes pengakuan secara sukarela

Syarat-syarat kelayakan:

- i. Tawaran melibatkan semua kategori fail cukai
- ii. Tampil melaporkan cukai pendapatan atau cukai petroleum secara sukarela **sebelum** tindakan audit atau siasatan cukai dimulakan.
- iii. Pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP atau BNP bagi tahun taksiran semasa dalam tempoh dan tahun taksiran kebelakang hendaklah mengemukakan BNCP atau BNP tersebut dalam tempoh tawaran pengurangan penalti ini;
- iv. Pembayar cukai yang mengemukakan maklumat BNCP atau BNP yang tidak betul bagi tahun taksiran semasa dan tahun taksiran kebelakang dan membuat pengakuan atau pindaan dalam tempoh tawaran pengurangan penalti ini.
- v. Pembayar cukai menandatangani Surat Aku Janji dan persetujuan pembayaran.

vi. Kadar penalti* yang ditawarkan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3) / 113(2) ACP 1967 ; SUBSEKSYEN 51(3) / SUBSEKSYEN 52(2) AP(CP) 1967	TEMPOH BAYARAN
15%	Membuat bayaran penuh dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran bagi kes audit / Surat Aku Janji ditandatangani bagi kes siasatan.
20%	Membuat bayaran 6 kali ansuran atau kurang dari tarikh Notis Taksiran bagi kes audit / Surat Akujanji ditandatangani bagi kes siasatan.

5.2. Pengurangan penalti bagi kes audit

Syarat-syarat kelayakan:

- i. Tawaran melibatkan semua kategori fail cukai.
- ii. Tawaran terbuka bagi kes audit (taksiran dibangkitkan) yang diselesaikan dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 15 Disember 2016.
- iii. Pembayar cukai menerima Surat Tawaran Pengurangan Penalti (STPP) daripada LHDNM dan bersetuju menandatangani Surat Aku Janji serta persetujuan pembayaran.

iv. Kadar penalti* yang ditawarkan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3) / 113(2) ACP 1967 ; SUBSEKSYEN 51(3) / SUBSEKSYEN 52(2) AP(CP) 1967	TEMPOH BAYARAN
25%	Membuat bayaran penuh cukai tambahan dan penalti dalam tempoh 30 hari dari Notis Taksiran dibangkitkan.
35%	Membuat bayaran cukai tambahan dan penalti secara 6 kali ansuran atau kurang.

5.2A. Pengurangan penalti bagi kes audit pindahan harga

Syarat-syarat kelayakan:

- i. Pengurangan Penalti bagi pengakuan secara sukarela tidak terpakai bagi kes audit pindahan harga.
- ii. Konsesi ini terpakai bagi kes yang telah selesai diaudit di mana pembayar cukai telah membuat bayaran secara sekaligus, dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran/Taksiran Tambahan dibangkitkan.
- iii. Tawaran pengurangan penalti di bawah subseksyen 112(3) dan 113(2) ACP 1967, subseksyen 51(3) dan subseksyen 52(2) AP(CP) 1967 bagi kes audit pindahan harga adalah tertakluk kepada peraturan bayaran berikut :

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3)/113(2) ACP 1967; SUBSEKSYEN 51(3)/SUBSEKSYEN 52(2) AP(CP) 1967	DOKUMENTASI PINDAHAN HARGA
15%	Ada
25%	Tiada

5.3. Pengurangan penalti bagi kes siasatan

a. Pembayar cukai yang layak dipertimbangkan:

- i. Kes siasatan yang masih dalam tindakan pada 31 Disember 2015 dan penyelesaian dicapai dengan perjanjian / Surat Aku Janji ditandatangani sebelum atau pada 31 Julai 2016; atau
- ii. Kes yang disiasat mulai 1 Januari 2016 dan penyelesaian dicapai dengan perjanjian / Surat Aku Janji ditandatangani sebelum atau pada 15 Disember 2016; atau
- iii. Kes yang telah dibangkitkan Taksiran Terbaik (BJA) disebabkan pembayar cukai tidak bersetuju dengan kadar penalti di bawah subseksyen 112(3) atau 113(2) ACP 1967 yang dikenakan. Tawaran ini terpakai walaupun Borang Q telah dikemukakan dan penyelesaian dicapai dengan perjanjian / Surat Aku Janji ditandatangani sebelum atau pada 15 Disember 2016.
- iv. Kes predikat yang disiasat bersama-sama kes *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* (AMLATFPUA 2001) yang memenuhi syarat kelayakan di perenggan (i), (ii) dan (iii).

- v. Kadar penalti* yang ditawarkan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3) / 113(2) ACP 1967	TEMPOH BAYARAN
25%	Bayaran penuh pada tarikh perjanjian / Surat Aku Janji ditandatangani oleh pembayar cukai.
35%	Bayaran permulaan 50% dibayar pada tarikh perjanjian / Surat Aku Janji ditandatangani oleh pembayar cukai dan baki cukai dijelaskan melalui 6 kali ansuran atau kurang.

- vi. Pembayar cukai layak menikmati tawaran kadar penalti* seperti jadual berikut jika pengakuan sukarela dibuat dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh lawatan pemeriksaan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3) / 113(2) ACP 1967	TEMPOH BAYARAN
20%	Bayaran penuh pada tarikh Surat Aku Janji ditandatangani oleh pembayar cukai.
25%	Bayaran permulaan 50% dibayar pada tarikh Surat Aku Janji ditandatangani oleh pembayar cukai dan baki cukai dijelaskan melalui 6 kali ansuran atau kurang.

- vii. Pembayar cukai bersetuju menandatangani Surat Aku Janji serta persetujuan pembayaran.

b. Pembayar cukai yang **tidak layak** diberi pertimbangan:

- i. Penyelesaian dicapai dan perjanjian / Surat Aku Janji telah ditandatangani sebelum tawaran ini berkuat kuasa.
- ii. Kes yang ditolak oleh LHDNM di mana penyelesaian kes telah dicapai dan perjanjian / Surat Aku Janji telah ditandatangani sebelum tawaran ini berkuat kuasa.

5.4. Pengurangan penalti **cukai keuntungan harta tanah**. Syarat-syarat kelayakan:

- i. Pelupus yang gagal melaporkan pelupusan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan dalam tempoh tawaran pengurangan penalti ini.
- ii. Pelupus bersetuju menandatangani Surat Aku Janji dan Surat Tawaran Pengurangan Penalti.
- iii. Kadar penalti* yang ditawarkan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 29(3) ACKHT 1976	TEMPOH BAYARAN
5%	Membuat bayaran penuh dalam tempoh 30 hari dari tarikh Surat Aku Janji ditandatangani.
8%	Membuat bayaran 6 kali ansuran atau kurang dari tarikh Surat Aku Janji ditandatangani

5.5. Pengurangan penalti **duti setem**. Syarat-syarat kelayakan:

- i. Pembayar duti yang gagal mengemukakan surat cara untuk disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan mengambil tindakan mengemukakan

surat cara tersebut untuk disetamkan dalam tempoh tawaran pengurangan penalti ini.

- ii. Kadar penalti* yang ditawarkan:

KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 47A(1) AS 1949	TEMPOH BAYARAN
5%	Membuat penyeteman (bayaran duti) pada 1 Mac 2016 sehingga 30 Jun 2016.
10%	Membuat penyeteman (bayaran duti) pada 1 Julai 2016 sehingga 15 Disember 2016.

***Nota:**

1. Tawaran kadar penalti subseksyen 112(3) / 113(2) ACP 1967; subseksyen 51(3) / 52(2) AP (CP) 1967; subseksyen 29(3) ACKHT 1976 dan subseksyen 47A(1) AS 1949 ini tertakluk kepada bayaran cukai / duti termasuk penalti terakhir **selewat-lewatnya pada 15 Disember 2016**.
2. Tawaran pengurangan penalti ini akan terbatal jika pembayar cukai / duti gagal mematuhi Surat Aku Janji dan persetujuan pembayaran.

5.6. Penghapusan kenaikan cukai bagi kes tunggakan hasil.

- a. Syarat kelayakan. Pembayar cukai yang layak diberikan pertimbangan ialah:
 - i. Mempunyai tunggakan hasil; atau
 - ii. Gagal meremit bayaran cukai pegangan bersama dengan kenaikan; atau

- iii. Baki tunggakan cukai bukan amaun kenaikan sahaja; atau
- iv. Pembayar cukai yang pernah diluluskan tawaran sebelum ini tetapi gagal menjelaskan bayaran;
- v. Perintah penggulungan / kebangkrapan belum diperintahkan Mahkamah.

b. Kaedah pelaksanaan:

- i. Hanya kenaikan cukai seperti di perenggan 4 yang akan dihapuskan sekiranya pembayar cukai memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan.
- ii. Bayaran sekaligus atau ansuran sama rata boleh dipertimbangkan sehingga 15 Disember 2016.
- iii. Sekiranya kes adalah dalam tindakan Guaman Sivil, penghapusan kenaikan tertakluk kepada pembayaran sepenuhnya kos dan faedah mahkamah (jika ada).
- iv. Penghapusan kenaikan hanya akan dilakukan setelah semua bayaran diterima sepenuhnya.

c. Contoh-contoh penghapusan kenaikan:

i. **Contoh 1: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 dan di bawah subseksyen 107C(9) ACP 1967 (Syarikat)**

Syarikat ABC mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM12,465,427.75. Kenaikan di bawah seksyen 103 telah dikenakan sebanyak RM1,577,258.20 dan kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) dikenakan sebanyak RM712,310.15. Syarikat mohon konsesi pada 20 Mei 2016 secara bayaran ansuran.

Layanan:

Syarikat ABC Sdn Bhd layak mendapat konsesi yang ditawarkan. Kenaikan seksyen 103 sebanyak RM1,577,258.20 dan di bawah

subseksyen 107C(9) sebanyak RM712,310.15 dihapuskan. Syarikat ABC Sdn Bhd boleh menjelaskan tunggakan tersebut sebanyak RM10,175,859.40 secara sekaligus atau secara ansuran sehingga 15.12.2016.

ii. **Contoh 2: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP 1967 (Syarikat)**

Syarikat FGH Sdn Bhd mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM3,000,000.00 termasuk kenaikan di bawah seksyen 103 sebanyak RM250,000.00. Kes syarikat ini dalam tindakan guaman sivil dan penghakiman telah direkodkan dengan pengenaan kos mahkamah sebanyak RM225.00 dan faedah mahkamah sebanyak RM81,000.00. Syarikat FGH telah memohon konsesi pada 31 Mei 2016 dan menjelaskan RM2,750,000.00.

Layanan:

Syarikat FGH layak mendapat konsesi kerana memohon dalam tempoh yang dibenarkan. Kenaikan di bawah seksyen 103 dihapuskan tetapi kos mahkamah dan faedah perlu dijelaskan sepenuhnya.

iii. **Contoh 3: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP 1967 (Syarikat)**

Cukai tahun 2015 bagi Syarikat JKL telah dibangkitkan pada 31 Mac 2016 dengan jumlah sebanyak RM10,000,000.00 dan masih mempunyai baki cukai sebanyak RM4,000,000.00 selepas mengambilkira bayaran CP204 sebanyak RM6,000,000.00. Tiada bayaran diterima sehingga 28 Jun 2016 dan kenaikan Seksyen 103 dikenakan. Syarikat JKL memohon konsesi dan dibenarkan membayar secara ansuran untuk menjelaskan tunggakan sebanyak RM4,000,000.00 kerana tidak sempat untuk selesaikan sekaligus sebelum 30 Jun 2016.

Layanan:

Syarikat JKL diberi kebenaran untuk membayar secara ansuran sehingga 15 Disember 2016 dan kenaikan seksyen 103 dihapuskan kerana permohonan diterima dalam tempoh.

iv. **Contoh 4: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP 1967 (Syarikat)**

Syarikat DEF mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM45,000.00 termasuk kenaikan di bawah seksyen 103 sebanyak RM15,000.00 sehingga 31 Disember 2015. Cukai tambahan bagi tahun taksiran 2012 telah dibangkitkan pada 31 Januari 2016 sebanyak RM95,000.00. Bayaran melalui CP204 yang diterima adalah sebanyak RM60,000.00. Baki cukai sebanyak RM35,000.00 belum dijelaskan dan layak dikenakan kenaikan di bawah seksyen 103. Syarikat memohon konsesi pada 31 Mei 2016 untuk menjelaskan baki cukai sepenuhnya.

Layanan:

Syarikat DEF layak diberikan konsesi sekiranya menjelaskan cukai sepenuhnya sebelum 30 Jun 2016. Kenaikan di bawah seksyen 103 bagi tahun sebelum dan semasa dihapuskan.

v. **Contoh 5: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP 1967 (Individu)**

Encik Suffian menghantar borang nyata cukai pendapatan Tahun Taksiran 2015 pada 30 April 2016 dan dikenakan cukai sebanyak RM35,000.00. PCB yang telah dibayar RM30,000.00 dan baki cukai belum dijelaskan RM5,000.00. Encik Suffian gagal menjelaskan baki cukai tersebut pada 30 April 2016 dan dikenakan kenaikan 10%

seksyen 103 sebanyak RM500.00. Encik Suffian pada 15 Jun 2016 memohon konsesi dan menjelaskan sepenuhnya baki cukai sebanyak RM5,000.00.

Layanan:

Encik Suffian layak diberi konsesi dan kenaikan Seksyen 103 dihapuskan.

vi. Contoh 6: Penghapusan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP 1967 (Individu)

Puan Nina mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM15,000.00 termasuk kenaikan di bawah seksyen 103 sebanyak RM3,000.00 pada 31 Disember 2015. Beliau memohon untuk diberikan ansuran sebanyak 3 kali bermula bulan Jun 2016 sehingga September 2016. Selain itu, beliau memohon untuk diberikan konsesi dengan membatalkan seksyen 103 yang telah dikenakan.

Layanan:

Puan Nina layak diberi konsesi dan kenaikan di bawah seksyen 103 dihapuskan.

vii. Contoh 7: Penghapusan kenaikan di bawah Seksyen 21(4) ACKHT 1976 (Syarikat)

Syarikat FGH Sdn Bhd telah melupuskan sebuah aset dan tertakluk CKHT atas pelupusan tersebut berjumlah RM300,000.00. Walaubagaimanapun amaun tersebut gagal dijelaskan dalam tempoh yang dibenarkan dan kenaikan di bawah subseksyen 21(4) sebanyak RM30,000.00 telah dikenakan. Syarikat FGH Sdn Bhd selanjutnya telah hadir dan memohon konsesi pada 30 Jun 2016 dan menjelaskan kesemua cukai tersebut.

Layanan:

Syarikat FGH Sdn Bhd layak diberikan konsesi setelah tunggakan cukai dijelaskan sepenuhnya pada 30 Jun 2016. Kenaikan seksyen 21(4) dihapuskan.

viii. Contoh 8: Penghapusan kenaikan di bawah Seksyen 21B (Pemeroleh) ACKHT 1976 (Syarikat)

Syarikat IJK Sdn Bhd yang telah memperolehi sebuah aset perlu meremitkan 3% daripada wang balasan berjumlah RM30,000.00. Walaubagaimanapun amaun tersebut gagal diremitkan dan kenaikan di bawah subseksyen 21(B) sebanyak RM3,000.00 telah dikenakan. Syarikat IJK Sdn Bhd selanjutnya telah hadir dan memohon konsesi pada 30 Oktober 2016 dan menjelaskan kesemua cukai tersebut.

Layanan:

Syarikat IJK Sdn Bhd layak diberikan konsesi setelah tunggakan dijelaskan sepenuhnya pada 30 Oktober 2016. Kenaikan seksyen 21(B) dihapuskan.

ix. Contoh 9: Penghapusan kenaikan (kes lewat bayar) di bawah Seksyen 109B Cukai Pegangan ACP1967

Syarikat A1 telah terlewat membayar bayaran prinsipal bagi cukai pegangan (WHT) untuk fi teknikal di bawah seksyen 109B berjumlah RM10,000 bagi Tahun Taksiran 2015. Kenaikan secara auto telah dikenakan sebanyak 10% daripada jumlah prinsipal.

Pembayar cukai memohon untuk penghapusan kenaikan di bawah seksyen 109B(2) sepenuhnya.

Layanan:

Syarikat A1 boleh diberikan konsesi ke atas kenaikan WHT sebanyak 50% dengan syarat baki bayaran kenaikan diselesaikan sepenuhnya pada tarikh sebelum 15 Disember 2016.

*Konsesi 100% tidak boleh diberikan kerana Cukai Pegangan bukan tunggakan hasil dan ia cuma tunggakan kenaikan.

x. **Contoh 10: Penghapusan kenaikan (kes audit) di bawah Seksyen 109B Cukai Pegangan ACP1967**

Syarikat A2 telah bersetuju dengan penemuan audit ke atas Cukai Pegangan pada 30 Mac 2016. Jumlah penemuan audit adalah seperti berikut:

S109	Kenaikan
RM2,000,000	RM200,000

Layanan:

Syarikat A2 boleh diberi konsesi untuk penghapusan kenaikan 100% dengan syarat bayaran sekaligus bagi prinsipal diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum 15 Disember 2016.

xi. **Contoh 11: Penghapusan kenaikan (kes pengakuan sukarela) di bawah Seksyen 109B Cukai Pegangan ACP1967**

Syarikat A3 telah tampil untuk membuat pengakuan sukarela bagi bayaran fi teknikal yang melibatkan Tahun Taksiran 2011 hingga Tahun Taksiran 2013.

Layanan:

Syarikat A3 boleh diberikan konsesi dan kenaikan WHT dihapuskan sepenuhnya jika bayaran prinsipal dibayar sepenuhnya pada atau sebelum 15 Disember 2016.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tawaran ini berkuat kuasa mulai 1 Mac sehingga 15 Disember 2016

7. HUBUNGI KAMI

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai tawaran ini, pembayar cukai boleh menghubungi Meja Bantuan Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai di talian 03-8313 8885 ,Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau **03-8913 3800 samb. 11904/ 11944 (kes Audit Pindahan Harga sahaja).**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 Ogos 2016